



Prk.ML. (S) 08/53 Jld. 13 (1)

2 April 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato'/Tuan

KELULUSAN PEMBELIAN VESEL TERPAKAI DARI LUAR NEGARA BAGI VESEL-VESEL ZON C2

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai satu langkah untuk menggalakkan pembangunan industri perikanan laut dalam negara, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bersetuju agar Jabatan Perikanan memberi pertimbangan ke atas permohonan-permohonan mendapatkan vesel secara beli terpakai dari luar negara. Ini di lihat dapat membantu pengusaha-pengusaha perikanan laut dalam mengatasi masalah kesukaran untuk memperolehi vesel Zon C2 dalam usaha mereka untuk memenuhi kuota permit yang telah di luluskan.

3. Syarat-syarat yang perlu di patuhi adalah seperti berikut :

- a. Hanya syarikat-syarikat **peneraju laut dalam** yang telah di lantik secara rasmi sahaja di benarkan membuat permohonan.
- b. Syarikat peneraju perlu membuat permohonan rasmi dengan justifikasi dan cadangan perancangan perolehan vesel-vesel yang akan di beli dan di bawa masuk.
- c. Perolehan vesel-vesel luar negara ini perlulah memenuhi ciri-ciri keselamatan dan kebersihan seperti 'Hygiene On Board' (HOB) dan piawaian yang di ditetapkan oleh negara Kesatuan Eropah.
- d. Pemeriksaan fizikal di jalankan oleh Syarikat 'Surveyor of Ship' bertauliah dan berdaftar di negara asal vesel tersebut serta mengemukakan laporan rasmi kepada Jabatan berserta dokumen asal vesel berkenaan.
- e. Pemeriksaan khas oleh Pasukan Pemeriksa Vesel dibuat oleh Jabatan Perikanan Malaysia semasa vesel masuk untuk pemeriksaan sebelum di lesenkan/didaftarkan selaras dengan syarat yang ditetapkan pada perkara (d).




- f. Tiga (3) surat rasmi dari syarikat-syarikat pembina vesel tempatan yang menyatakan tidak dapat/tidak mampu menyediakan vesel kepada pemohon.
 - g. Aku Janji pemohon untuk pemasangan dan keaktifan 'Mobile Transceiver Unit' (MTU).
 - h. Aku Janji penghantaran Laporan Operasi Vesel (LOV) berkaitan dengan kuantiti pendaratan ikan bagi setiap kali pendaratan.
4. Pohon kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada syarikat-syarikat peneraju di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan dan memberi penjelasan lanjut kepada syarikat-syarikat tersebut jika ada yang berminat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan
Malaysia
PUTRAJAYA

s.k.

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Politik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Perancang dan Antarabangsa

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Pengarah Bahagian Pengembangan Perikanan

Pengarah Bahagian Perundingan Khidmat Teknikal

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Ketua Cawangan Perundangan dan Pendakwaan

Ketua Cawangan Perikanan Laut Dalam

AAH/owner(12.3.2012)

SENARAI EDARAN

Pengarah
Perikanan Negeri Perlis

Pengarah
Perikanan Negeri Kedah

Pengarah
Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah
Perikanan Negeri Perak

Pengarah
Perikanan Negeri Selangor

Pengarah
Perikanan Negeri Pahang

Pengarah
Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah
Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah
Perikanan Negeri Johor

Pengarah
Perikanan Negeri Sarawak

Pengarah
Perikanan Negeri Labuan